

Menjaga alam sekitar tanggungjawab semua

Dunia sedang mengalami perubahan cuaca yang menyebabkan fenomena alam yang ekstrem. Banjir yang semakin kerap melanda banyak negara termasuk Malaysia merupakan petanda jelas bahawa keseimbangan ekosistem sedang terganggu.

Kejadian ini bukan sekadar fenomena semula jadi tetapi turut didorong oleh tindakan manusia yang merosakkan alam sekitar.

Kesan banjir tidak hanya terbatas kepada kemusnahan harta benda dan infrastruktur tetapi juga memberikan impak besar terhadap kehidupan sosial, ekonomi dan kesejahteraan masyarakat.

Asalnya, ia merupakan bencana yang wujud secara semula jadi, tetapi kebanyakan kejadian banjir kini dipengaruhi oleh perubahan drastik dalam pola cuaca akibat perubahan iklim global.

Pemanasan bumi yang diakibatkan oleh pelepasan gas rumah kaca telah meningkatkan kadar penyejatan, menghasilkan hujan yang lebih lebat dan kerap.

Di Malaysia, kawasan bandar yang pesat membangun sering dilanda banjir kilat akibat saluran yang tidak mencukupi dan perancangan bandar yang kurang efektif.

Penebangan hutan secara meluas juga telah menghapuskan kawasan tadahan air semula jadi, menyebabkan tanah hilang keupayaan untuk menyerap air hujan.

Antara isu utama yang manusia sering terlepas pandang ialah peranan pencemaran alam, khususnya pencemaran sampah, yang menambah teruk banjir.

Aliran sisa sampah seperti plastik bermula dari kawasan tempatan seperti taman, pantai dan sepanjang sistem longkang bandar.

Apabila hujan turun atau angin bertiup, serpihan plastik dengan mudah dibawa melalui saluran air dan longkang.

Sungai-sungai yang dulunya merupakan arus air semula jadi kini telah bertukar menjadi 'lebu raya plastik' yang mengangkut berpuluh-puluh tan sisa ke lautan.

Selain sisa dari darat, industri perikanan turut menyumbang kepada pencemaran ini. Pukat ikan yang tidak dibuang dengan betul merupakan sumber utama sisa plastik di kawasan lautan, sekali gus menambahkan beban pencemaran yang sedia ada.

Masalah ini semakin rumit apabila plastik yang mencemari sungai dan kawasan tadahan mengganggu keseimbangan ekosistem air. Selain mencetuskan banjir, pencemaran ini juga memusnahkan habitat semula jadi kehidupan akuatik.

Kesannya, bukan sahaja risiko



Kawasan hutan, paya bakau dan kawasan tadahan air perlu dilindungi dan dipulihkan untuk mengembalikannya sebagai penyerap air hujan.

banjir meningkat, tetapi sumber semula jadi yang penting turut terancam. Dalam situasi ini, keperluan untuk menjaga dan melestarikan alam semakin mendesak.

Dalam menghadapi cabaran ini, penjagaan alam sekitar tidak lagi boleh dianggap sebagai pilihan tetapi mesti menjadi tanggungjawab bersama. Kawasan hijau yang berfungsi sebagai penampungan semula jadi wajib dipelihara.

Kawasan hutan, paya bakau dan kawasan tadahan air perlu dilindungi dan dipulihkan untuk mengembalikannya sebagai penyerap air hujan. Zon penampungan hijau seperti taman bandar juga boleh mengurangkan risiko banjir.

Pengurusan sisa pepejal memerlukan perhatian serius. Masyarakat perlu dididik mengenai kepentingan menguruskan sisa dengan betul termasuk kitar semula dan pengurangan penggunaan plastik.

Perlu ada sistem pengumpulan sisa yang lebih efisien dan pelaksanaan undang-undang yang lebih tegas terhadap pembuangan sampah secara haram. Penguat kuasa juga perlu memastikan setiap projek pembangunan mematuhi penilaian impak alam sekitar yang ketat untuk mengelakkan kerosakan kepada kawasan sensitif.

Pendekatan holistik melibatkan semua pihak

Mustahil untuk beberapa orang melakukan kerja membersihkan dan melestarikan alam apabila majoriti pihak masih terlibat dengan aktiviti pemusnahan dan pencemaran, ibarat mencuci air yang berlumpur dengan air yang sama.

Justeru, pendekatan holistik



yang melibatkan kerjasama erat antara kerajaan, sektor swasta, badan bukan kerajaan (NGO), institusi akademik dan masyarakat amat diperlukan untuk menangani isu

banjir dan pencemaran alam sekitar serta merupakan kunci kepada penyelesaian jangka panjang.

Kerajaan mesti memimpin dengan dasar yang tegas dan membuat pelaburan strategik dalam teknologi hijau serta tenaga boleh diperbaharui.

Namun usaha ini tidak akan berhasil tanpa sokongan sektor swasta yang mampu mencipta inovasi mesra alam dan mengamalkan perniagaan yang lestari.

Dalam pada itu, NGO boleh menjadi penggerak dalam meningkatkan kesedaran rakyat, menyelaras bantuan teknikal dan mendekati komuniti yang terkesan. Semua ini menuntut keberanian untuk melangkah keluar daripada zon selesa dan mengutamakan kelangsungan bumi kita.

Perubahan sebenar bermula di akar umbi. Masyarakat setempat tidak boleh normalisasikan aktiviti pencemaran alam mahupun rasa selesa atau tidak tersentuh dengan aktiviti kerosakan alam.

Membudayakan kerja gotong royong, menanam pokok dan mendidik generasi muda tentang penjagaan alam sekitar mampu mencetuskan gelombang perubahan besar.

Usaha bersama ini bukan sahaja mengurangkan risiko bencana, tetapi juga meletakkan asas kukuh untuk masa depan yang lestari.

** Basmin Maarof ialah Pegawai Komunikasi Korporat Pertubuhan IKRAM Malaysia*